

03/09/2003

Abdullah jamin projek MSC tetap diberi keutamaan

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menolak andaian kononnya projek Koridor Raya Multimedia (MSC) akan menghadapi zaman gelap setelah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara Oktober ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, penekanan terhadap MSC dan programnya akan terus diberi keutamaan apabila beliau mengambil alih kepemimpinan negara nanti.

"Sesetengah orang bimbang sama ada saya akan terus memberi penekanan terhadap MSC. Saya ingin menyatakan bahawa MSC adalah penting dan penekanan programnya akan terus diberi keutamaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi soal jawab setelah menyampaikan ucap tama pada Sidang Kemuncak Dasar Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) MSC 2003 di Seri Kembangan dekat sini, petang semalam.

Abdullah berkata, semua pihak harus memberi kerjasama penuh untuk menjayakan MSC supaya Malaysia bersedia memikul cabaran lebih besar dalam dunia teknologi maklumat pada masa akan datang.

Sambil mengetepikan persoalan sama ada rakyat Malaysia bersedia atau tidak untuk pergi lebih jauh dalam bidang ICT, beliau berkata semuanya boleh dilakukan selagi rakyat bekerja kuat dan melakukan yang terbaik sejajar dengan semangat 'Malaysia boleh'.

"Sekarang kita berusaha untuk merapatkan jurang digital di antara rakyat melalui pendidikan, melahirkan pekerja mahir, memperkenalkan program komputer dan program kesedaran ICT," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata Dr Mahathir akan melancarkan fasa kedua pembangunan MSC Jumaat ini.

Katanya, jika fokus fasa pertama MSC adalah untuk membangunkan MSC itu sendiri, fasa kedua pula akan membawa negara sehingga tahun 2010 untuk membangunkan laman koridor.

"Adalah dijangka bahawa MSC akan terus dihubungkan ke bandar raya siber lain di negara ini, termasuk juga di beberapa negara lain. Lebih ramai rakyat Malaysia akan mula merasai impak sebenar MSC dalam kehidupan seharian mereka.

"Penekanan yang lebih juga akan diberi terhadap pembangunan usahawan teknologi serta inisiatif penyelidikan dan pembangunan dalam usaha memperkukuhkan industri tempatan selain mewujudkan syarikat ICT tempatan bertaraf dunia pada masa akan datang," katanya.

Abdullah berkata, matlamat dan sasaran MSC akan menjadi lebih kompleks dan mencabar yang memerlukan jurang antara pembuat dasar dengan pelaksana dirapatkan lagi sama ada untuk pelaksanaan prasarana, pembangunan sumber manusia atau pembiayaan.

Beliau berkata, 21,102 peluang kerja sudah diwujudkan dalam MSC dan 17,369 atau 82 peratus daripadanya adalah peluang untuk pekerja berpengetahuan dalam bidang ICT iaitu meningkat 10 kali ganda berbanding pada 1997.